



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** dalam gred pendaftaran berikut bagi menyertai sebut harga ini::

| Tajuk Sebut Harga | Kod Pengkhususan | Tarikh Tutup Sebut Harga | Taklimat Sebut Harga |
|---|--|---|--|
| SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN BANGUNAN WISMA BERNAMA DI BAWAH PROJEK REKA BENTUK DALAMAN (ID) DAN AWAM, MENAIK TARAF BANGUNAN WISMA BERNAMA (FASA 3) NO. RUJUKAN : BER/SH/06/2024 | Gred : G2 Kategori : B04 – Kerja Am Bangunan CE21- Kerja-kerja am kejuteraan awam | 27 Julai 2024 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan | 19 Julai 2024 (Jumaat) Kehadiran digalakkan |

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **19 Julai 2024 (Jumaat) selepas sesi taklimat** di laman web portal Myvendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi sebut harga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 19 Julai 2024 (Jumaat)
 Masa : 10.30 pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut Harga**) dan diemalkan kepada Urus Setia Perolehan selewat-latewatnya sebelum **19 Julai 2024 (Jumaat)**.

Syarikat wajib mengemukakan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod gred dan pengkhususan berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara atas talian di laman web myvendor BERNAMA **dan** secara manual dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 27 Julai 2024 (Jumaat)** di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan
 Tingkat 6, Wisma BERNAMA
 28, Jalan BERNAMA,
 Off Jalan Tun Razak,
 50400 Kuala Lumpur
 (u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)**

No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.